

UPM menemui dua sebatian

Serdang: Kajian awal sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) terhadap pokok Red Butterfly Wing atau rerama menemui dua sebatian yang bersifat anti kanser dan anti keradangan.

Penyelidik Jabatan Sains Bioperubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM, Prof Madya Dr Latifah Saiful Yazan berkata, dua sebatian itu dipercayai berpotensi tinggi untuk membantu mempercepatkan penyembuhan kanser.

Menurutnya, nama saintifik dua sebatian berkenaan iaitu 'lupeol' dan 'bestigma sterol' ditemui pada akar pokok 'Red Butterfly Wing' dalam kajian yang dilakukan pertengahan 2013 sehingga tahun lalu.

"Kami sudah melakukan ujian asas terhadap akar pokok rerama dan menjumpai sebatian yang berupaya merawat 'solid can-

cer' seperti kanser payudara, usus besar, paru-paru, ovari dan serviks.

"Bagaimanapun, ia masih di peringkat awal penyelidikan dan kami akan teruskan ke bahagian lain pokok itu kelak," katanya kepada Harian Metro.

Dr Latifah berkata, pihaknya akan meneruskan penyelidikan dengan menumpukan kepada daun pokok itu kerana dipercayai akan menemui beberapa sebatian baru yang mungkin positif bagi merawat penyakit kanser.

"Teknik yang kami lakukan merebus daun itu dan memberikannya kepada seekor tikus putih yang disuntik dengan sel kanser usus.

"Selepas 72 jam, didapati sel kanser terbahit semakin mengecut sedangkan tanpa air rebusan daun berkenaan, sel kanser sebaliknya semakin membiak," katanya